

Usaha pacu pasaran bioteknologi

um - 7/12/2006

Oleh HATA WAHARI
(WARTAWAN UTUSAN)


TAHUN 2020 akan menyaksikan 100 buah syarikat bioteknologi Malaysia menjadi syarikat global yang akan menguasai pasaran bioteknologi dunia mengatasi syarikat-syarikat dari India serta China yang juga sedang berusaha membangunkan industri tersebut.

Sejak Dasar Bioteknologi Nasional (NBP) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 28 April tahun lepas bidang bioteknologi telah berkembang mengikut pelan yang dirancang oleh negara terutama dalam tiga bidang utama iaitu pertanian, penjagaan kesihatan dan industri.

Dasar itu yang memfokuskan ketiga-tiga bidang utama tersebut dengan menggariskan sembilan teras utama dalam membangunkan bidang bioteknologi sebagai enjin pertumbuhan ekonomi yang baru melalui tiga fasa yang bermula pada tahun lalu hingga 2020.

Pembangunan bidang bioteknologi ini telah membolehkan Malaysia mencapai perubahan yang mendadak seperti dalam bidang kesihatan, pertanian dan tenaga yang memberi perubahan yang besar dalam kehidupan rakyat, petani serta ahli industri.

Walaupun bidang bioteknologi ini masih baru di Malaysia tetapi ia telah membawa masuk pelopor-pelopor dalam bidang tersebut ke Malaysia untuk membangunkan bioteknologi yang penting untuk negara ini mencapai status negara maju.



Di sinilah pentingnya Bio Malaysia iaitu acara tahunan yang dianjurkan oleh Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. (BiotechCorp) syarikat yang ditubuhkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi untuk meningkatkan pembangunan bidang tersebut di negara ini.

Bio Malaysia 2006 yang berlangsung selama tiga hari sehingga Jumaat ini di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) yang dirasmikan oleh Abdullah merupakan persidangan antarabangsa dan pameran merupakan platform dalam memacu negara untuk menjadi peneraju bioteknologi.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaluddin Jarjis menegaskan, Bio Malaysia memberi peluang kepada pemain-pemain utama dalam bioteknologi iaitu tempatan dan luar negara untuk bertemu bagi membina persefahaman dan ikatan dalam pemasaran, pelaburan dan pengetahuan.

"Bio Malaysia merupakan agenda kerajaan untuk menarik syarikat dan individu yang inovatif untuk memberikan standard bagi acara tahunan yang membabitkan persidangan dan pameran bioteknologi.

"Hasrat kerajaan untuk melihat Bio Malaysia terus berkembang dan ternama pada peringkat antarabangsa serta menjadi tempat pertemuan global untuk mengaut pe-

luang-peluang dalam bidang bioteknologi," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Jamaluddin menegaskan, sejak Dasar Bioteknologi Malaysia dilancarkan pada April tahun lepas, kementerian bersama-sama dengan BiotechCorp, Pertubuhan Bioteknologi Industri Malaysia (MBio) telah berusaha bagi memastikan bioteknologi negara ini berkembang sejajar dengan polisi bioteknologi negara.

Bio Malaysia merupakan acara tahunan memberi platform kepada penyelidik, pembiayaan kewangan, pembiayaan modal teroka, institusi kewangan, syarikat swasta, agensi kerajaan dan universiti untuk bertemu membina persefahaman, pemasaran, pelaburan dan mengumpul pengetahuan.

Acara ini juga menawarkan kepada orang awam pemahaman mengenai bidang bioteknologi.

Nama-nama besar seperti ahli bioteknologi yang menemui virus HIV, Profesor Jean Chermann; Pengarah Pembangunan dan Penyelidikan, Inisiatif Dadah Untuk Penyakit Yang Dipinggirkan Switzerland, Profesor Dr. Simon L. Croft dan pakar dalam struktur dan biologi molekul, Profesor David Rice menghadiri Bio Malaysia yang merupakan platform terbaik untuk mereka mendedahkan pertemuan-pertemuan terbaru dalam bidang masing-masing.

Pengerusi BiotechCorp, Tan Sri Dr. Ahmad Zaharuddin Idrus menegaskan, Malaysia perlu melaksanakan pelbagai inovasi untuk menarik pelabur-pelabur tempatan dan luar negara untuk melabur di dalam bidang tersebut.

Jelasnya, negara tidak mempunyai pili-

han selain menjadikan Malaysia sebagai Hab Bioteknologi bagi memastikan bidang itu dapat berkembang.

"Sebagai Hab Bioteknologi, Malaysia perlu mempunyai kelebihan tersendiri dan kerajaan bukan sahaja memberi insentif kewangan tetapi pelbagai insentif bagi memastikan Polisi Bioteknologi Nasional dapat memacu industri tersebut pada masa-masa akan datang," katanya.

Beliau memberitahu, syarikat-syarikat yang mendapat taraf BioNexus akan menikmati insentif cukai termasuk pengecualian cukai selama 10 tahun bermula dari tahun syarikat itu mencatatkan keuntungan. Pelabur-pelabur di dalam syarikat taraf BioNexus juga boleh menuntut potongan cukai bagi pelaburan yang dilaburkan di dalam syarikat terbabit.

"Satu lagi faedah yang akan diterima syarikat taraf BioNexus ialah untuk memohon geran komersial bernilai RM100 juta dari BiotechCorp," ujarnya.

Dr. Ahmad Zaharuddin menegaskan, Malaysia mempunyai kelebihan yang banyak bukan sahaja dari segi infrastruktur malahan ia merupakan hab terbaik untuk menguasai pasaran-pasaran bukan sahaja di ASEAN tetapi juga di Asia serta Kesatuan Eropah (EU).

"Negara ini mempunyai makmal-makmal penyelidikan yang telah mendapat pengiktirafan dan pematuhan bukan sahaja di peringkat tempatan tetapi juga peringkat antarabangsa malahan terdapat makmal yang mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh negara-negara tertentu seperti Jepun, Australia dan EU," tambah beliau.